

Microsoft License Terms

TERMA-TERMA LESEN PERISIAN MICROSOFT

OFFICE 2019 DESKTOP

Terakhir dikemas kini pada September 2018

JIKA ANDA MENETAP DI (ATAU JIKA TEMPAT UTAMA PERNIAGAAN ANDA BERADA DI) AMERIKA SYARIKAT, SILA BACA FASAL TIMBANG TARA MENGIKAT DAN PENEPIAN TINDAKAN KELAS DALAM SEKSYEN 9. IA MEMPENGARUHI CARA PERTIKAIAN DISELESAIKAN.

Terima kasih kerana memilih Microsoft!

Bergantung pada cara anda memperoleh perisian Office, perjanjian lesen ini adalah antara (i) anda dan pengeluar peranti atau pemasang perisian yang mengedarkan perisian dalam peranti anda; atau (ii) anda dan Microsoft Corporation (atau, berdasarkan tempat tinggal anda atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda, salah satu sekutunya) jika anda memperoleh perisian daripada penjual runcit. Microsoft ialah pengeluar peranti bagi peranti yang dikeluarkan oleh Microsoft atau salah satu sekutunya dan Microsoft ialah penjual runcit jika anda memperoleh perisian terus daripada Microsoft.

Perjanjian ini menghuraikan hak anda dan syarat yang dikenakan supaya anda boleh menggunakan perisian Office. Anda seharusnya menyemak keseluruhan perjanjian, termasuk apa-apa terma lesen tambahan yang mengiringi perisian dan apa-apa terma yang dipautkan, kerana semua terma ini penting dan bersama-sama mewujudkan perjanjian ini yang berkenaan dengan anda. Anda boleh menyemak terma yang dipautkan dengan menampal pautan yang berkenaan dalam tettingkap pelayar.

Dengan menerima perjanjian ini atau menggunakan perisian, anda bersetuju kepada semua terma ini dan mengizinkan penghantaran maklumat tertentu semasa pengaktifan dan semasa penggunaan perisian anda mengikut Pernyataan Privasi Microsoft yang diterangkan dalam Seksyen 4. Jika anda tidak menerima dan mematuhi terma ini, anda tidak boleh menggunakan perisian atau cirinya. Anda boleh menghubungi pengeluar peranti atau pemasang, atau penjual runcit anda jika anda membeli perisian secara terus, untuk menentukan dasar pemulangnya dan memulangkan perisian atau peranti untuk mendapatkan pembayaran balik atau kredit di bawah dasar tersebut. Anda hendaklah mematuhi dasar tersebut, yang mungkin menghendaki anda memulangkan perisian dengan keseluruhan peranti yang menerima pemasangan perisian untuk mendapatkan pembayaran balik atau kredit, jika ada.

1. Gambaran keseluruhan.

- a. Kesesuaian Penggunaan.** Perjanjian ini berkenaan dengan perisian Office yang diprapasang pada peranti anda atau diperoleh daripada penjual runcit dan dipasang oleh anda, media yang anda gunakan untuk menerima perisian (jika ada), mana-mana fon, ikon, imej atau fail bunyi yang disertakan dengan perisian dan juga apa-apa kemas kini, naik taraf, tambahan atau perkhidmatan Microsoft untuk perisian, melainkan terma lain disertakan bersamanya. Jika perjanjian ini mengandungi terma berkenaan dengan ciri atau perkhidmatan yang tidak tersedia pada peranti anda, maka terma tersebut tidak diterima pakai.

b. Terma tambahan. Terma Microsoft dan pihak ketiga tambahan mungkin dikenakan pada pengguna ciri, perkhidmatan dan aplikasi tertentu, bergantung pada keupayaan peranti anda, cara ia dikonfigurasi dan cara anda menggunakannya. Pastikan anda membaca terma ini.

- (i) Sesetengah ciri perisian menyediakan titik akses ke, atau bergantung pada, perkhidmatan dalam talian, dan penggunaan perkhidmatan tersebut kadangkala ditadbir oleh terma dan dasar privasi yang berasingan, seperti Perjanjian Perkhidmatan Microsoft di (aka.ms/msa). Anda boleh meneliti terma dan dasar ini dengan melihat syarat penggunaan perkhidmatan yang diterima pakai. Perkhidmatan ini mungkin tidak disediakan di semua rantau.
- (ii) Pengeluar atau pemasang juga mungkin memasang terlebih dahulu aplikasi, yang akan tertakluk pada terma lesen yang berasingan.
- (iii) Perisian mungkin termasuk program pihak ketiga yang dilesenkan oleh Microsoft dan bukannya pihak ketiga, kepada anda di bawah perjanjian ini. Notis, jika ada, untuk program pihak ketiga disertakan untuk maklumat anda sahaja.
- (iv) Semasa perisian sedang berjalan, anda boleh menggunakan fonnya untuk memaparkan dan mencetak kandungan. Anda boleh memuat turun fon sementara ke pencetak atau peranti output lain untuk mencetak kandungan, dan anda boleh membenamkan fon dalam kandungan hanya seperti yang dibenarkan oleh batasan pembenaman dalam fon tersebut.

2. Hak Pemasangan dan Penggunaan.

a. Lesen. Perisian dilesenkan, bukan dijual. Di bawah perjanjian lesen ini, kami memberi kepada anda hak untuk memasang (jika anda memperoleh perisian daripada penjual runcit) dan menjalankan satu tika perisian pada peranti anda (peranti berlesen), untuk digunakan oleh seorang sahaja pada satu-satu masa, namun hanya jika anda mematuhi semua terma perjanjian ini. Sila lihat Seksyen 12-14 di bawah untuk mengetahui lesen dan syarat yang khusus untuk versi hak terhad, rantau geografi tertentu dan edisi khas perisian. Mengemas kini atau menaik taraf daripada perisian bukan tulen dengan perisian daripada Microsoft atau sumber yang dibenarkan tidak menjadikan versi asal anda atau versi yang ditingkatkan/dinaik taraf itu sebagai tulen, dan dalam situasi tersebut, anda tiada lesen untuk menggunakan perisian.

b. Peranti. Dalam perjanjian ini “peranti” bermaksud sistem perkakasan (sama ada fizikal atau maya) dengan peranti simpanan dalaman yang berupaya menjalankan perisian. Pemetakan perkakasan atau blade dianggap sebagai peranti.

c. Pengehadan. Pengeluar atau pemasang dan Microsoft mengekalkan semua hak (seperti hak di bawah undang-undang harta intelektual) yang tidak diberikan secara nyata dalam perjanjian ini. Contohnya, lesen ini tidak memberi anda apa-apa hak untuk, dan anda tidak boleh:

- (i) menggunakan atau memayakan ciri-ciri perisian secara berasingan;
- (ii) menerbitkan, menyalin, menyewa, memajak atau meminjamkan perisian;
- (iii) memindahkan perisian (kecuali seperti yang dibenarkan oleh perjanjian ini);

- (iv) mengatasi apa-apa pengehadan atau pembatasan teknikal dalam perisian;
- (v) menggunakan perisian sebagai perisian pelayan, untuk penghosan komersial, menyediakan perisian ini untuk penggunaan berbilang pengguna secara serentak melalui rangkaian, memasang perisian pada pelayan dan membenarkan pengguna mengaksesnya dari jauh atau memasang perisian pada peranti untuk digunakan oleh pengguna jauh sahaja;
- (vi) melakukan kejuruteraan balikan, menyahkompil atau menyahhimpun perisian atau cuba melakukan sedemikian, kecuali jika undang-undang di tempat tinggal anda (atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) membenarkannya walaupun dilarang oleh perjanjian ini. Dalam hal ini, anda boleh melakukan perkara yang dibenarkan oleh undang-undang anda sahaja; atau
- (vii) apabila menggunakan ciri berkaitan Internet, anda tidak boleh menggunakan ciri-ciri ini dalam apa jua cara yang boleh mengganggu penggunaan ciri ini oleh orang lain, atau cuba mendapatkan akses atau menggunakan apa-apa perkhidmatan, data, akaun atau rangkaian dalam cara yang tidak dibenarkan.

d. Senario berbilang penggunaan.

- (i) **Berbilang versi.** Jika semasa memperoleh perisian anda diberikan berbilang versi (misalnya versi 32-bit dan 64-bit), anda hanya boleh memasang dan mengaktifkan salah satu daripada versi ini pada satu-satu masa.
- (ii) **Sambungan berbilang atau gugusan.** Anda tidak boleh menggunakan perkakasan atau perisian ke sambungan multipleks atau gugusan, atau sebaliknya berbilang pengguna atau berbilang komputer atau peranti untuk mencapai atau menggunakan perisian secara tidak langsung menerusi komputer berlesen.
- (iii) **Penggunaan dalam persekitaran maya.** Lesen ini membolehkan anda memasang hanya satu salinan perisian ini untuk digunakan pada sebuah peranti sahaja, tidak kira sama ada peranti tersebut ialah komputer fizikal atau maya. Jika anda mahu menggunakan perisian ini pada lebih daripada sebuah peranti maya, anda hendaklah mendapatkan lesen yang berasingan bagi setiap salinan.
- (iv) **Akses jauh.** Anda boleh mengakses dan menggunakan perisian yang dipasang pada peranti berlesen dari peranti lain menggunakan teknologi akses jauh, asalkan perisian yang dipasang pada peranti berlesen tidak digunakan oleh pengguna lain pada waktu yang sama. Pengguna lain, pada masa yang berlainan, boleh mengakses peranti berlesen dari peranti lain menggunakan teknologi akses jauh, tetapi hanya pada peranti yang dilesenkan secara berasingan untuk menjalankan perisian ini pada edisi yang sama atau lebih tinggi.
- (v) **Bantuan jauh.** Anda boleh menggunakan teknologi bantuan jauh untuk berkongsi sesi aktif tanpa mendapatkan apa-apa lesen untuk perisian. Bantuan jauh membolehkan hanya seorang pengguna untuk bersambung secara terus kepada peranti pengguna lain, biasanya untuk membetulkan masalah.

e. Salinan sandaran. Anda boleh memuat turun salinan sandaran perisian dari (office.com/backup) atau memesannya daripada Sokongan Pelanggan (aka.ms/mssupport) dan boleh menggunakan salinan sandaran untuk memindahkan perisian jika diperoleh sebagai perisian sendiri daripada penjual runcit, seperti yang

diterangkan di bawah. Hak terhadap salinan sandaran tidak diterima pakai untuk perisian Program Penggunaan Di Rumah (lihat Seksyen 14).

- 3. Pemindahan kepada Pihak Ketiga.** Peruntukan seksyen ini tidak berkenaan jika anda memperoleh perisian di Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) dan hanya memindahkannya kepada orang atau entiti lain di dalam lingkungan EEA, dalam keadaan yang apa-apa pemindahan perisian dan hak penggunaannya mesti mematuhi undang-undang yang diterima pakai.
 - a. Perisian yang diprapasang pada peranti.** Jika anda memperoleh perisian yang diprapasang pada peranti, anda boleh memindahkan perisian terus kepada pengguna lain, hanya dengan peranti yang dilesenkan. Pemindahan ini hendaklah merangkumi perisian, jika disediakan dengan peranti, label Office tulen termasuk kunci produk. Sebelum mana-mana pemindahan yang dibenarkan, pihak yang lagi satu mesti bersetuju bahawa perjanjian ini diterima pakai untuk pemindahan dan penggunaan perisian tersebut.
 - b. Perisian sendiri yang diperoleh daripada penjual runcit.** Jika anda memperoleh perisian daripada penjual runcit sebagai perisian sendiri, anda boleh memindahkan perisian ke peranti lain yang anda miliki, namun tidak lebih daripada sekali setiap 90 hari (kecuali disebabkan kegagalan perkakasan, dalam keadaan ini anda boleh memindahkan dengan lebih awal). Jika anda memindahkan perisian ke peranti lain, peranti lain itu menjadi “peranti berlesen.” Anda juga boleh memindahkan perisian pada peranti yang dimiliki orang lain jika (i) anda pengguna lesen pertama perisian dan (ii) pengguna baharu bersetuju dengan terma perjanjian ini. Setiap kali anda memindahkan perisian ke peranti baharu, anda mesti mengalih keluar perisian dari peranti sebelumnya. Anda tidak boleh memindahkan perisian untuk berkongsi lesen antara peranti.
- 4. Privasi; Keizinan untuk Penggunaan Data.** Privasi anda penting kepada kami. Beberapa ciri perisian menghantar atau menerima maklumat apabila ciri tersebut digunakan. Kebanyakan ciri ini boleh didayakan atau dinyahdayakan dalam antara muka pengguna, atau anda boleh memilih untuk tidak menggunakannya. Dengan menerima perjanjian ini dan menggunakan perisian, anda bersetuju bahawa Microsoft boleh mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan maklumat seperti yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi Microsoft yang boleh didapati di (aka.ms/privacy) dan seperti yang diterangkan dalam antara muka yang berkaitan dengan ciri-ciri perisian.
- 5. Perisian Disahkan dan Pengaktifan.** Anda dibenarkan untuk menggunakan perisian ini hanya jika anda dilesenkan dengan betul dan perisian diaktifkan dengan sempurna menggunakan kunci produk yang tulen atau melalui cara lain yang dibenarkan. Apabila anda disambungkan kepada Internet semasa menggunakan perisian ini, perisian ini akan menghubungi Microsoft atau sekutunya secara automatik untuk mengesahkan bahawa perisian itu tulen dan lesennya berhubung kait dengan peranti yang dilesenkan. Bergantung pada lokasi geografi anda, anda juga boleh mengaktifkan perisian secara manual melalui Internet atau telefon. Dalam mana-mana kes, penghantaran maklumat tertentu akan berlaku dan caj perkhidmatan Internet, telefon dan SMS mungkin dikenakan. Semasa pengaktifan (atau pengaktifan semula yang mungkin dicetuskan oleh perubahan pada komponen peranti anda) perisian mungkin menentukan sama ada tika perisian yang dipasang ialah perisian cetak rompak, tidak dilesenkan dengan betul, atau mempunyai perubahan yang tidak diizinkan. Jika pengaktifan gagal, perisian akan cuba membaikinya sendiri dengan menggantikan mana-mana perisian Microsoft yang diusik menggunakan perisian tulen Microsoft. Jika anda mengaktifkan perisian melalui Internet, anda mungkin

dikehendaki menyambung semula kepada Internet secara berkala semasa menggunakan perisian untuk mengesahkan lesen yang dikaitkan dengan peranti berlesen; dan jika anda tidak menyambung semula, perisian itu mungkin beroperasi dengan fungsi yang berkurangan. Anda mungkin menerima peringatan untuk mendapatkan salinan perisian yang sah. Anda tidak boleh melangkaui atau memintasi pengaktifan. Kemas kini, sokongan dan perkhidmatan tertentu lain hanya boleh ditawarkan kepada pengguna perisian Microsoft tulen sahaja.

6. **Kemas kini.** Perisian menyemak kemas kini perisian secara berkala, dan memuat turun serta memasangnya untuk anda. Anda boleh mendapatkan kemas kini hanya daripada Microsoft atau sumber yang dibenarkan, dan dengan menerima perjanjian ini, anda bersetuju untuk menerima jenis kemas kini automatik seperti ini tanpa apa-apa notis tambahan.
7. **Sekatan Geografi dan Eksport.** Jika perisian anda disekat untuk penggunaan di rantau geografi yang tertentu, maka anda hanya dibenarkan untuk mengaktifkan perisian ini di dalam rantau tersebut sahaja. Anda juga mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan eksport domestik dan antarabangsa yang diterima pakai untuk perisian tersebut, termasuk pembatasan ke atas destinasi, pengguna akhir dan penggunaan akhir. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sekatan eksport, lawati (aka.ms/exporting).
8. **Prosedur Sokongan dan Pembayaran Balik**
 - a. **Untuk perisian yang diprapasang pada peranti.** Untuk perisian umumnya, hubungi pengeluar peranti atau pemasang untuk pilihan sokongan. Rujuk nombor sokongan yang disediakan bersama dengan perisian ini. Untuk kemas kini dan tambahan yang diperoleh terus daripada Microsoft, Microsoft mungkin memberikan perkhidmatan sokongan terhadap perisian yang dilesenkan dengan sewajarnya seperti yang diterangkan di (aka.ms/mssupport). Jika anda mahu mendapatkan pembayaran balik, hubungi pengeluar atau pemasang untuk menentukan dasar pembayaran baliknya. Anda hendaklah mematuhi dasar ini, yang mungkin menghendaki anda memulangkan perisian dengan keseluruhan peranti yang menerima pemasangan perisian untuk mendapatkan pembayaran balik.
 - b. **Untuk perisian yang diperoleh daripada penjual runcit.** Microsoft menyediakan perkhidmatan sokongan terhadap perisian yang dilesenkan dengan betul seperti yang diterangkan di (aka.ms/mssupport). Jika anda membeli perisian daripada penjual runcit dan ingin mendapatkan bayaran balik dan anda tidak boleh mendapatkannya di tempat anda membeli perisian, hubungi Microsoft untuk maklumat tentang dasar pembayaran balik Microsoft. Lihat (aka.ms/msoffices) atau di Amerika Utara, hubungi (800) MICROSOFT atau lihat (aka.ms/nareturns).
9. **Timbang Tara Mengikat dan Penepian Tindakan Kelas Hanya Jika Anda Menetap di (atau, jika Perniagaan, Tempat Utama Perniagaan anda berada) di Amerika Syarikat. Sebaliknya, Seksyen 9 tidak boleh diterima pakai.**

Kami berharap kita tidak menghadapi pertikaian, namun, jika berlaku, anda dan kami bersetuju untuk mencuba dalam masa 60 hari bagi mencapai penyelesaian secara tidak formal. Jika tidak boleh, anda dan kami bersetuju dengan **timbang tara individu yang mengikat dengan American Arbitration Association (“AAA”) di bawah Federal Arbitration Act (“FAA”) dan tidak nyaman di mahkamah di hadapan hakim atau juri.** Sebaliknya, penimbang tara yang neutral akan membuat keputusan dan keputusan penimbang tara akan menjadi

muktamad melainkan hak terhad untuk kajian semula di bawah FAA. **Tuntutan mahkamah tindakan kelas, timbang tara seluruh kelas, tindakan ketua peguam persendirian dan apa-apa prosiding lain yang seseorang bertindak dalam kapasiti wakil sememangnya tidak dibenarkan. Menggabungkan prosiding individu tanpa keizinan semua pihak juga tidak dibenarkan.** “Kami,” “milik kami” dan “kita” termasuk Microsoft, pengeluar peranti dan pemasang perisian.

- a. **Pertikaian yang diliputi—segala-galanya kecuali IP.** Istilah “pertikaian” adalah seluas yang boleh. Ia termasuk apa-apa tuntutan atau kontroversi antara anda dan pengeluar atau pemasang, atau anda dan Microsoft, yang melibatkan perisian, harganya, pengiklanan, pemasaran, komunikasi, transaksi pembelian anda, pengebilan, atau perjanjian ini, di bawah mana-mana teori undang-undang termasuk kontrak, waranti, tort, statut atau peraturan, **kecuali pertikaian yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau kesahihan hak harta intelektual anda, pelesen anda, kami, atau pelesen kami.**
- b. **Poskan Notis Pertikaian terlebih dahulu.** Jika anda mempunyai pertikaian dan wakil khidmat pelanggan kami tidak dapat menyelesaikannya, hantarkan Notis Pertikaian melalui Pos A.S. kepada pengeluar atau pemasang, ATTN: LEGAL DEPARTMENT. Jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft, poskannya kepada Microsoft Corporation, ATTN: CELA ARBITRATION, One Microsoft Way, Redmond, WA 98052-6399. Beritahu kami nama, alamat anda, cara untuk menghubungi anda, masalah yang dipertikaikan dan perkara yang anda mahukan. Borang tersedia di (aka.ms/disputeform). Kami akan melakukan perkara yang sama jika kami mempunyai pertikaian dengan anda. Selepas 60 hari, anda atau kami boleh memulakan timbang tara jika pertikaian tidak diselesaikan.
- c. **Pilihan mahkamah tuntutan kecil.** Daripada mengepos Notis Pertikaian, anda boleh menyaman kami di mahkamah tuntutan kecil di daerah tempat anda tinggal (atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) atau tempat utama perniagaan kami—King County, Washington Amerika Syarikat jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft—jika anda memenuhi syarat mahkamah.
- d. **Prosedur timbang tara.** Pihak AAA akan menjalankan apa-apa timbang tara di bawah Peraturan Timbang Tara Komersial (atau jika anda seorang individu dan menggunakan perisian ini untuk kegunaan peribadi atau isi rumah, atau jika nilai pertikaian ialah USD \$75,000 atau kurang, tidak kira sama ada anda seorang individu atau cara anda menggunakan perisian ini, Peraturan Timbang Tara Pengguna). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat (aka.ms/adr) atau hubungi 1-800-778-7879. Untuk memulakan timbang tara, hantar borang yang tersedia di (aka.ms/arbitration) kepada AAA; hantar salinan kepada pengeluar atau pemasang (atau kepada Microsoft jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft). Dalam pertikaian yang melibatkan USD \$25,000 atau kurang, apa-apa perbicaraan akan melalui telefon kecuali penimbang tara mendapati sebab yang baik untuk mengadakan perbicaraan secara bersemuka. Apa-apa perbicaraan kes secara bersemuka akan berlangsung di daerah tempat tinggal anda (atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) atau tempat utama perniagaan kami—King County, Washington, jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft. Anda boleh memilih. Penimbang tara boleh menganugerahkan ganti rugi yang sama kepada anda secara individu seperti yang boleh dilakukan oleh mahkamah. Penimbang tara boleh memberi relief perisytiharan atau injunktif hanya kepada anda sebagai individu untuk memenuhi tuntutan individu anda. Di bawah Peraturan AAA, penimbang tara berkuasa dalam bidang kuasanya sendiri, termasuk

timbang tara bagi apa-apa tuntutan. Namun begitu, mahkamah mempunyai kuasa eksklusif untuk menguatkuasakan larangan timbang tara dalam seluruh kelas atau dalam kapasiti yang mewakili.

e. Fi dan bayaran penimbangtaraan.

(i) **Pertikaian yang melibatkan USD \$75,000 atau kurang.** Pengeluar atau pemasang (atau Microsoft jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft) akan membayar balik fi dan perbelanjaan pemfailan anda dan membayar fi penimbang tara AAA dengan segera. Jika anda menolak tawaran penyelesaian bertulis terakhir kami yang dibuat sebelum penimbang tara dilantik, pertikaian anda akan berlangsung sehingga kepada keputusan penimbangtaraan (dipanggil “keputusan”) dan penimbang tara menganugerahkan kepada anda lebih daripada tawaran bertulis terakhir ini, pengeluar atau pemasang (atau Microsoft jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft) akan: (1) membayar anugerah atau USD \$1,000, mengikut mana yang lebih tinggi; (2) membayar fi peguam anda yang wajar, jika ada; dan (3) membayar balik apa-apa perbelanjaan (termasuk fi dan kos saksi pakar) yang diakui oleh peguam anda secara munasabah untuk menyasat, menyediakan dan berusaha untuk mendapatkan tuntutan ini dalam penimbangtaraan.

(ii) **Pertikaian yang melibatkan lebih daripada USD \$75,000.** Peraturan AAA akan mentadbir pembayaran fi dan perbelanjaan pemfailan dan fi dan perbelanjaan penimbang tara dan AAA.

f. Mesti difailkan dalam masa setahun. Anda dan kami mesti memfailkan dalam mahkamah tuntutan kecil atau timbang tara, apa-apa tuntutan atau pertikaian (kecuali pertikaian harta intelektual—lihat Seksyen 9.a) dalam masa setahun dari masa ia boleh difailkan buat kali pertama. Jika tidak, ia dihalang secara kekal.

g. Kebolehasingan. Jika mana-mana bahagian dalam Seksyen 9 (Timbang Tara Mengikat dan Penepian Tindakan Kelas) didapati menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, yang selebihnya akan kekal dikuatkuasakan (dengan keputusan timbang tara dikeluarkan sebelum mana-mana prosiding mahkamah bermula), kecuali jika didapati penyalahan undang-undang secara separa atau tidak boleh dikuatkuasakan akan membenarkan timbang tara seluruh kelas atau wakilan, Seksyen 9 tidak boleh dikuatkuasakan secara keseluruhannya.

h. Konflik dengan peraturan AAA. Perjanjian ini mentadbir jika ia berkonflik dengan Peraturan Timbang Tara Komersial AAA atau Peraturan Timbang Tara Pengguna.

i. Microsoft sebagai pihak atau benefisiari pihak ketiga. Jika Microsoft ialah pengeluar peranti atau jika anda memperoleh perisian daripada penjual runcit, Microsoft ialah salah satu pihak dalam perjanjian ini. Sebaliknya, Microsoft, bukan satu pihak tetapi ialah benefisiari pihak ketiga bagi perjanjian anda dengan pengeluar atau pemasang untuk menyelesaikan pertikaian ini melalui rundingan tidak formal dan penimbangtaraan.

10. Undang-undang Mentadbir. Undang-undang negeri atau negara tempat anda menetap (atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) mentadbir semua tuntutan dan pertikaian berkenaan dengan perisian, harganya, atau perjanjian ini, termasuk tuntutan pelanggaran kontrak dan tuntutan di bawah undang-undang perlindungan pengguna negara, undang-undang persaingan tidak adil, undang-undang waranti tersirat untuk

pengayaan tidak adil dan dalam tort, tidak kira prinsip konflik undang-undang, kecuali FAA mentadbir semua peruntukan yang berkenaan dengan timbang tara.

11. Rangkaian, data dan penggunaan Internet. Beberapa ciri perisian dan perkhidmatan yang diakses menerusi perisian mungkin memerlukan peranti anda mengakses Internet. Akses dan penggunaan anda (termasuk caj) mungkin tertakluk pada terma perjanjian pembekal selular atau Internet anda. Ciri-ciri tertentu perisian mungkin membantu anda mengakses Internet dengan lebih berkesan, namun pengiraan penggunaan perisian mungkin berbeza daripada ukuran pembekal khidmat anda. Anda bertanggungjawab pada setiap masa untuk (i) memahami dan mematuhi terma pelan dan perjanjian anda sendiri, dan (ii) apa-apa isu yang timbul daripada menggunakan atau mengakses rangkaian, termasuk rangkaian awam/terbuka. Anda boleh menggunakan perisian untuk menyambung kepada rangkaian dan berkongsi maklumat akses mengenai rangkaian tersebut, hanya jika anda mempunyai keizinan untuk berbuat demikian.

12. Versi Hak Terhad. Jika versi perisian yang anda peroleh ditandakan atau sebaliknya bertujuan untuk penggunaan khusus atau terhad, maka anda boleh menggunakannya seperti yang ditentukan. Anda tidak boleh menggunakan versi perisian yang berikut untuk aktiviti komersial, tidak bersifat keuntungan atau yang menjana pendapatan.

a. Akademik atau Universiti. Untuk penggunaan akademik, anda mestilah pelajar, fakulti atau kakitangan institusi pendidikan pada masa pembelian.

b. Rumah dan Pelajar.

c. Penghargaan Tentera. Anda mestilah “Pengguna Tentera Layak” untuk menggunakan lesen perisian yang bertanda edisi “Penghargaan Tentera”. Untuk menjadi Pengguna Tentera yang Layak, di Amerika Syarikat, anda mestilah menjadi penaung sah Bursa Perkhidmatan Tentera menurut statut dan kawal selia Persekutuan A.S. yang diterima pakai.

d. Pasukan Tentera Kanada. Anda mestilah “Penaung Sah CANEX” untuk menggunakan lesen perisian yang bertanda edisi “Pasukan Tentera Kanada”. Penaung Sah CANEX ialah:

- Anggota Pasukan Tentera (CAF) (Biasa dan Pasukan Simpanan) dan keluarga mereka;
- Veteran (bekas anggota CAF) dan keluarga mereka, termasuk keluarga veteran yang telah meninggal dunia;
- Anggota tentera asing yang sedang berkhidmat dengan CAF dan keluarga mereka;
- Kakitangan Semasa Dana Bukan Awam, Tentera Kanada (NPF, CF);
- Kakitangan Semasa Pusat Sumber Keluarga Tentera (MFRC);
- Kakitangan awam Jabatan Pertahanan Nasional (DND) semasa dan keluarga mereka;
- Anggota yang sedang berkhidmat dan bekas anggota Royal Canadian Mounted Police (RCMP) dan keluarga mereka;

- Kakitangan semasa Defence Research and Development Canada (DRDC) dan keluarga mereka;
- Kakitangan semasa Defence Construction Canada (DCC) dan keluarga mereka;
- Kolonel Berhormat/Kapten (N), Leftenan Kolonel/Komander dan keluarga mereka;
- Ahli keluarga kakitangan NPF, CF; atau
- Ahli keluarga MFRC.

13. Hak Pengguna; Variasi Serantau. Perjanjian ini menjelaskan hak-hak sah yang tertentu. Anda mungkin mempunyai hak lain, termasuk hak pengguna, di bawah undang-undang negeri atau negara anda. Anda juga mungkin mempunyai hak berhubung dengan pihak yang membekalkan perisian tersebut kepada anda. Perjanjian ini tidak mengubah hak-hak lain tersebut jika undang-undang negeri atau negara anda tidak membenarkannya. Contohnya, jika anda memperoleh perisian di salah sebuah rantau di bawah atau undang-undang negara mandatori dikenakan, maka peruntukan yang berikut dikenakan pada anda:

- a. Australia.** Rujukan kepada “Waranti Terhad” ialah rujukan kepada waranti nyata yang diberi oleh Microsoft atau pengeluar atau pemasang. Waranti ini diberi sebagai tambahan kepada hak dan remedi lain yang anda mungkin ada di bawah undang-undang, termasuk hak dan remedi anda yang selaras dengan jaminan pengguna Undang-undang Pengguna Australia. Tiada dalam perjanjian ini yang mengehadakan atau mengubah hak dan remedi tersebut. Terutamanya:
- (i) Dasar sokongan dan bayaran balik Microsoft yang dirujuk dalam Seksyen 8 tertakluk pada Undang-undang Pengguna Australia;
 - (ii) Jaminan pengguna Undang-undang Pengguna Australia dikenakan pada perisian penilaian dan percubaan yang diterangkan dalam Seksyen 16;
 - (iii)Jaminan pengguna Undang-undang Pengguna Australia dikenakan pada perisian, walau apa pun pengecualian waranti yang tersurat dan tersirat dalam seksyen yang bertajuk 'WARANTI TERHAD'; dan
 - (iv)pengecualian ganti rugi dan pengehadan remedi dalam seksyen bertajuk 'WARANTI TERHAD' tidak dikenakan pada jaminan pengguna Undang-undang Pengguna Australia dan hak dan remedi anda di bawahnya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang hak anda di bawah Undang-undang Pengguna Australia, sila rujuk dokumen di (aka.ms/acl).

Dalam seksyen ini, “barangan” merujuk kepada perisian yang Microsoft atau pengeluar atau pemasang memberikan waranti nyata. Barangan kami didatangkan dengan jaminan yang tidak boleh dikesualikan di bawah Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak untuk mendapat ganti atau pembayaran balik bagi kegagalan besar dan pampasan untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh diramal secara munasabah. Anda juga berhak untuk barangan anda dibaiki atau digantikan jika barangan itu gagal mencapai kualiti boleh diterima dan kegagalan tidak disifatkan sebagai kegagalan besar.

- b. Kanada.** Anda boleh menghentikan penerimaan kemas kinian pada peranti anda dengan mematikan akses Internet. Sekiranya dan apabila anda menyambung semula kepada Internet, perisian akan meneruskan semakan dan memasang kemas kinian.
- c. Kesatuan Eropah.** Pengehadan penggunaan akademik dalam seksyen bertajuk “Versi Hak Terhad, Akademik atau Universiti” di atas mungkin tidak berkenaan dengan anda. Penggunaan anda akan mematuhi undang-undang tempatan yang tertakluk pada perubahan.
- d. Jerman dan Austria.**
- (i) **Waranti.** Perisian lesen yang betul akan berfungsi sebahagian besarnya sama seperti yang dijelaskan dalam bahan-bahan Microsoft yang disertakan bersama dengan perisian tersebut. Walau bagaimanapun, pengeluar atau pemasang dan Microsoft tidak memberikan jaminan kontrak berhubungan dengan perisian berlesen.
- (ii) **Pengehadan Liabiliti.** Jika berlaku tindakan sengaja, kecuaiian, tuntutan berdasarkan Akta Liabiliti Produk, serta, dalam kes kematian atau kecederaan peribadi atau fizikal, pengeluar atau pemasang atau Microsoft bertanggungjawab menurut undang-undang statutori.
- Tertakluk pada ayat terdahulu, pengeluar atau pemasang atau Microsoft hanya akan bertanggungjawab untuk kecuaiian kecil jika pengeluar atau pemasang atau Microsoft melanggar kewajipan kontrak material sedemikian, pemenuhan yang akan memudahkan pelaksanaan perjanjian ini, pelanggaran yang akan membahayakan tujuan perjanjian ini dan pematuhan dengan pihak yang boleh dipercayai secara tetap (yang dipanggil "kewajipan kardinal"). Dalam kes kecuaiian kecil lain, pengeluar atau pemasang atau Microsoft tidak akan bertanggungjawab untuk kecuaiian kecil.
- e. Jepun.** Jika anda menetap di Jepun atau memperoleh perisian semasa menetap di Jepun dan anda memperoleh perisian daripada penjual runcit sebagai perisian sendiri, kami memberi anda hak yang berikut di bawah lesen kami dengan syarat anda mematuhi semua terma dalam perjanjian ini: anda juga boleh memasang dan menggunakan salinan kedua perisian pada peranti berlesen kedua untuk kegunaan anda sebagai pengguna berlesen bagi peranti berlesen yang pertama. Jika anda memperoleh perisian semasa menetap di Jepun dan anda memperoleh perisian sebagai diprapasang pada peranti, anda boleh memuat turun salinan sandaran perisian dari office.com/backup, dan anda boleh menggunakan salinan sandaran itu semata-mata untuk tujuan pemasangan semula perisian pada peranti berlesen yang sama.

14. Program Penggunaan Di Rumah. Anda mestilah “Pengguna Program Penggunaan Di Rumah” untuk menggunakan perisian yang ditetapkan sebagai “Program Penggunaan Di Rumah.” Untuk menjadi Pengguna Program Penggunaan Di Rumah, anda mestilah:

- pekerja organisasi yang mempunyai perjanjian Lesen Volum Microsoft dengan Jaminan Perisian yang aktif atau sebelum ini mempunyai Jaminan Perisian dan memenuhi kriteria tertentu yang lain, dan
- pengguna salinan perisian, atau produk yang mengandungi perisian, yang dilesenkan kepada majikan anda di bawah perjanjian Lesen Volum.

Jika anda mempunyai soalan tentang sama ada anda layak sebagai Pengguna Program Penggunaan Di Rumah, hubungi majikan anda.

- 15. Pek Bahasa dan Alat Pruf.** Jika anda memperoleh pek bahasa atau alat pruf yang menawarkan sokongan versi bahasa tambahan untuk perisian, anda boleh menggunakan bahasa tambahan yang disertakan dalam pek atau alat tersebut. Pek bahasa dan alat pruf adalah sebahagian daripada perisian dan tidak boleh digunakan secara berasingan.
- 16. Penilaian dan Percubaan.** Untuk penggunaan penilaian (atau ujian atau demonstrasi), anda tidak boleh menjual perisian (termasuk perisian yang ditandakan sebagai "NFR" atau "Tidak Boleh Dijual Semula") atau menggunakannya selepas tempoh penilaian. Perisian penilaian (atau ujian atau demonstrasi) tidak boleh digunakan dalam persekitaran pengendalian langsung. Beberapa perisian boleh dilesenkan untuk percubaan. Hak anda untuk menggunakan perisian percubaan adalah terhad kepada tempoh percubaan. Perisian percubaan dan tempoh percubaan ditetapkan semasa muat turun atau proses pengaktifan. Anda mungkin mempunyai pilihan untuk menukarkan hak percubaan anda kepada langganan atau hak berterusan jika diberi kepada anda sewaktu percubaan anda tamat tempoh. Selepas tamat tempoh percubaan tanpa penukaran, kebanyakan ciri perisian percubaan akan berhenti berjalan. **PERISIAN PENILAIAN DAN PERCUBAAN DILESENKAN SEPERTI "SEDIA ADA", DAN ANDA MENANGGUNG KESELURUHAN RISIKO BERKENAAN DENGAN KUALITI DAN PRESTASI PERISIAN. JIKA PERISIAN TERBUKTI ROSAK, ANDA MENANGGUNG KESELURUHAN KOS SEMUA PERKHIDMATAN ATAU PEMBAIKAN. MICROSOFT TIDAK MEMBERIKAN WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT TERSURAT YANG LAIN. ANDA MUNGKIN MEMPUNYAI HAK PENGGUNA TAMBAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA YANG TIDAK BOLEH DIUBAH OLEH PERJANJIAN INI. SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA, MICROSOFT MENGECEUALIKAN WARANTI TERSIRAT UNTUK KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK SESUATU TUJUAN TERTENTU DAN BUKAN PELANGGARAN.**
- 17. Kenyataan Hak dan Maklum Balas.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan jelas di bawah perjanjian ini, Microsoft tidak memberi anda lesen atau apa-apa hak lain daripada apa-apa jenis di bawah mana-mana paten, pengetahuan, hak cipta, rahsia perdagangan, tanda niaga atau harta intelek lain yang dimiliki atau dikawal oleh Microsoft atau mana-mana entiti yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa nama, pakaian perdagangan, logo atau kesetaraan. Jika anda memberi kepada Microsoft apa-apa idea, cadangan, cadangan atau maklum balas, termasuk idea tanpa had untuk produk baharu, teknologi, promosi, nama produk, maklum balas produk dan penambahbaikan produk ("Maklum Balas"), anda memberi Microsoft, tanpa caj, royalti atau kewajipan lain kepada anda, hak untuk membuat, telah membuat, membuat kerja terbitan, menggunakan, berkongsi dan mengkomersialkan Maklum Balas anda dengan apa-apa cara dan untuk tujuan apa pun. Anda tidak akan memberikan Maklum Balas yang tertakluk pada lesen yang memerlukan Microsoft untuk melesenkan perisian, teknologi atau dokumentasi atau perkhidmatan kepada mana-mana pihak ketiga kerana Microsoft menyertakan Maklum Balas anda di dalamnya.
- 18. Keseluruhan Perjanjian.** Perjanjian ini (bersama-sama dengan apa-apa terma lesen bercetak atau terma lain yang disertakan dengan apa-apa tambahan, naik taraf, kemas kini dan perkhidmatan yang disediakan oleh pengeluar atau pemasang, atau Microsoft, dan yang anda gunakan), dan terma yang terkandung dalam pautan web yang disenaraikan dalam perjanjian ini ialah keseluruhan perjanjian bagi perisian ini dan apa-apa tambahan, kemas kini, naik taraf dan perkhidmatan (kecuali pengeluar atau pemasang, atau Microsoft menyediakan terma lain dengan tambahan, kemas kini, naik taraf atau perkhidmatan tersebut). Anda boleh menyemak perjanjian ini selepas perisian anda berjalan dengan pergi ke (aka.ms/useterms) atau pergi ke Fail -

Akaun - Perihal dalam perisian. Anda juga boleh menyemak terma ini pada mana-mana pautan dalam perjanjian ini setelah perisian anda berjalan dengan menaip URL ke dalam bar alamat pelayar dan anda bersetuju untuk melakukannya. Anda bersetuju bahawa anda akan membaca terma sebelum menggunakan perisian atau perkhidmatan, termasuk mana-mana terma berpautan. Anda bersetuju bahawa dengan menggunakan perisian dan perkhidmatan, anda meratifikasi perjanjian ini dan terma yang dipautkan. Terdapat juga pautan maklumat dalam perjanjian ini. Pautan yang mengandungi notis dan terma yang mengikat ialah:

- Pernyataan Privasi Microsoft (aka.ms/privacy)
- Perjanjian Perkhidmatan Microsoft (aka.ms/msa)

WARANTI TERHAD – PENGELUAR/PEMASANG PERANTI

Pengeluar peranti atau pemasang menjamin bahawa perisian dengan lesen yang betul akan berfungsi sebahagian besarnya sama seperti yang dijelaskan dalam bahan-bahan Microsoft yang disertakan bersama dengan perisian tersebut. Jika anda mendapat kemas kini atau tambahan terus daripada Microsoft, dalam tempoh 90 hari dari waranti terhad ini, Microsoft memberi waranti terhad ini bagi perkara itu. Waranti ini tidak merangkumi masalah yang disebabkan oleh tindakan anda, yang timbul daripada kegagalan anda untuk bertindak, atau disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan yang munasabah pengeluar atau pemasang, atau Microsoft. Waranti terhad bermula apabila pengguna pertama salinan perisian anda memperoleh salinan tersebut dan berakhir selama 90 hari. Apa-apa tambahan, kemas kini, atau perisian ganti yang anda mungkin terima daripada pengeluar atau pemasang, atau Microsoft, semasa tempoh 90 hari itu, juga diliputi tetapi hanya untuk tempoh baki tempoh 90 hari atau 30 hari, mengikut mana yang lebih panjang masanya. Memindahkan lesen perisian tidak akan memanjangkan waranti terhad.

Pengeluar atau pemasang, dan Microsoft, tidak memberi waranti, jaminan atau syarat tersurat yang lain. **Pengeluar atau pemasang, dan Microsoft, mengecualikan waranti dan syarat tersirat, termasuk untuk kebolehdagangan, kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu dan tanpa pelanggaran. Jika undang-undang tempatan anda membenarkan pengecualian waranti tersirat, maka apa-apa waranti, jaminan, atau syarat tersirat berakhir hanya sepanjang tempoh waranti terhad dan terhad setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan sahaja. Jika undang-undang tempatan anda memerlukan tempoh waranti yang lebih panjang, meskipun terdapat perjanjian ini, maka tempoh yang lebih panjang ini akan diterima pakai, namun anda boleh mendapatkan kembali remedi yang dibenarkan perjanjian ini sahaja.**

Jika pengeluar atau pemasang, atau Microsoft, melanggar waranti terhadnya, ia akan, atas pilihannya, sama ada: (i) memperbaiki atau menggantikan perisian dengan percuma, atau (ii) menerima pemulangan perisian (atau atas pilihannya, peranti dengan perisian diprapasang) untuk pembayaran balik jumlah yang dibayar, jika ada. Pengeluar atau pemasang (atau Microsoft jika anda memperolehnya secara terus daripada Microsoft), boleh juga memperbaiki atau menggantikan tambahan, kemas kini dan perisian ganti atau memberi bayar balik bagi jumlah yang telah anda bayar untuknya, jika ada. Ini sahajalah remedi anda untuk pelanggaran waranti terhad ini. Jika anda mempunyai apa-apa bukti untuk mendapatkan ganti rugi daripada Microsoft, anda boleh mendapatkan ganti rugi langsung

sahaja sehingga anda yang anda bayar untuk perisian (atau sehingga USD \$50 jika anda memperoleh perisian secara percuma). Untuk bayaran balik, **anda mesti memberi satu salinan bukti pembelian dan mematuhi dasar pemulangan pengeluar atau pemasang. Jika disediakan dengan peranti, label sijil asal ketulenan termasuk kunci produk hendaklah kekal terlekat pada peranti.**

Kecuali untuk mana-mana pembaikan, penggantian atau bayaran balik yang mungkin diberikan oleh pengeluar atau pemasang, atau Microsoft, anda tidak boleh di bawah waranti terhadap ini, di bawah mana-mana bahagian lain perjanjian ini atau di bawah mana-mana teori, apa-apa pampasan atau remedi lain, termasuk kehilangan keuntungan atau pampasan langsung, sampingan, khas, tidak langsung atau lanjutan. Pengecualian dan pengehadan ganti rugi serta remedi dalam perjanjian ini berkenaan meskipun jika pembaikan, penggantian atau pembayaran balik tidak memberi anda pampasan sepenuhnya untuk apa-apa kerugian jika pengeluar atau pemasang atau Microsoft, mengetahui atau patut mengetahui tentang kemungkinan berlakunya ganti rugi tersebut atau jika remedi gagal atas tujuan asasnya. Sesetengah negeri dan negara tidak membenarkan pengecualian atau pembatasan ganti rugi sampingan, lanjutan, atau ganti rugi lain, maka pembatasan atau pengecualian di atas mungkin tidak dikenakan kepada anda. **Jika undang-undang tempatan anda membolehkan anda mendapatkan kembali ganti rugi daripada pengeluar atau pemasang, atau Microsoft, meskipun perjanjian ini tidak, anda tidak boleh mendapatkan kembali lebih daripada apa yang anda telah bayar untuk perisian ini (atau sehingga USD \$50 jika anda memperoleh perisian secara percuma).**

PROSEDUR WARANTI

Untuk perkhidmatan atau bayaran balik, anda mesti memberikan salinan bukti pembelian anda dan mematuhi dasar pemulangan pengeluar atau pemasang, yang mungkin menghendaki anda mengembalikan perisian dengan keseluruhan peranti yang menerima pemasangan perisian; label sijil ketulenan termasuk kunci produk (jika diberi bersama dengan peranti anda) mesti kekal terpasang.

Hubungi pengeluar atau pemasang di alamat atau nombor telefon bebas tol yang disediakan dengan peranti anda untuk mengetahui cara untuk mendapatkan servis waranti bagi perisian itu. Jika Microsoft ialah pengeluar peranti anda atau jika anda memperoleh perisian daripada penjual runcit, hubungi Microsoft di:

1. Amerika Syarikat dan Kanada. Untuk perkhidmatan waranti terhadap atau maklumat mengenai cara mendapatkan bayaran balik untuk perisian yang diperoleh dalam Amerika Syarikat dan Kanada, hubungi Microsoft melalui telefon di (800) MICROSOFT; melalui pos di Microsoft Customer Service and Support, One Microsoft Way, Redmond, WA 98052-6399; atau lawati (aka.ms/nareturns).
2. Eropah, Timur Tengah dan Afrika. Jika anda telah memperoleh perisian itu di Eropah, Timur Tengah atau Afrika, waranti terhadap dibuat oleh Microsoft Ireland Operations Limited. Untuk membuat tuntutan di bawah waranti terhadap, anda mestilah menghubungi sama ada Microsoft Ireland Operations Limited, Customer Care Centre, Atrium Building Block B, Carmanhall Road, Sandyford Industrial Estate, Dublin 18, Ireland atau anggota gabungan Microsoft yang berkhidmat di negara anda (aka.ms/msoffices).
3. Australia. Jika anda memperoleh perisian di Australia, hubungi Microsoft untuk membuat tuntutan di 13 20 58; atau Microsoft Pty Ltd, 1 Epping Road, North Ryde NSW 2113 Australia.
4. Negara lain. Jika anda memperoleh perisian di negara lain, hubungi anggota gabungan Microsoft yang berkhidmat di negara anda (aka.ms/msoffices).

WARANTI TERHAD – RUNCIT

Microsoft menjamin bahawa perisian dengan lesen yang betul akan berfungsi sebahagian besarnya sama seperti yang dijelaskan dalam bahan-bahan Microsoft yang disertakan bersama dengan perisian tersebut. Waranti ini tidak merangkumi masalah yang disebabkan oleh tindakan anda, atau yang timbul apabila anda gagal mengikuti arahan, atau disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah Microsoft. Waranti terhadap bermula apabila pengguna pertama salinan perisian anda memperoleh salinan tersebut dan berakhir selama satu tahun. Apa-apa tambahan, kemas kini, atau perisian ganti yang anda mungkin terima daripada Microsoft, sepanjang tahun itu, turut diliputi tetapi hanya untuk tempoh waranti yang tinggal daripada tempoh satu tahun itu atau 30 hari, mengikut mana yang lebih panjang masanya. Memindahkan perisian tidak akan memanjangkan waranti terhadap.

Microsoft tidak memberikan waranti, jaminan atau syarat lain. **Microsoft mengecualikan jaminan tersirat dan syarat, termasuk untuk kebolehdagangan, kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu dan bukan pelanggaran. Jika undang-undang tempatan anda membenarkan pengecualian waranti tersirat, maka apa-apa waranti, jaminan, atau syarat tersirat berakhir hanya sepanjang tempoh waranti terhadap dan terhadap setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan sahaja. Jika undang-undang tempatan anda memerlukan tempoh waranti yang lebih panjang, meskipun terdapat perjanjian ini, maka tempoh yang lebih panjang ini akan diterima pakai, namun anda boleh mendapatkan kembali remedi yang dibenarkan perjanjian ini sahaja.**

Jika Microsoft melanggar waranti terhadapnya, ia akan, atas pilihannya, sama ada: (i) membaiki atau menggantikan perisian dengan percuma, atau (ii) menerima pemulangan perisian (atau atas pilihannya, peranti berjenama Microsoft dengan perisian diprapasang) untuk pembayaran balik jumlah yang dibayar, jika ada. **Ini sahajalah remedi anda untuk pelanggaran waranti terhadap ini.** Waranti terhadap ini memberi anda hak-hak sah yang khusus, dan anda mungkin juga ada hak-hak lain yang berbeza mengikut negeri atau negara.

Kecuali untuk mana-mana pembaikan, penggantian atau bayaran balik yang mungkin disediakan Microsoft, anda tidak boleh memulihkannya di bawah waranti terhadap ini, di bawah mana-mana bahagian lain perjanjian ini atau di bawah mana-mana teori, apa-apa pampasan atau remedi lain, termasuk kehilangan keuntungan atau pampasan langsung, sampingan, khas, tidak langsung atau lanjutan. Pengecualian dan penghadan ganti rugi serta remedi dalam perjanjian ini berkenaan meskipun jika pembaikan, penggantian atau pembayaran balik tidak memberi anda pampasan sepenuhnya untuk apa-apa kerugian atau Microsoft, mengetahui atau patut mengetahui tentang kemungkinan berlakunya ganti rugi tersebut atau jika remedi gagal atas tujuan asasnya. Sesetengah negeri dan negara tidak membenarkan pengecualian atau pembatasan ganti rugi sampingan, lanjutan, atau ganti rugi lain, maka pembatasan atau pengecualian di atas mungkin tidak dikenakan kepada anda. **Jika undang-undang tempatan anda membolehkan anda mendapatkan kembali ganti rugi daripada Microsoft meskipun perjanjian ini tidak, anda tidak boleh mendapatkan kembali lebih daripada apa yang anda telah bayar untuk perisian ini (atau sehingga USD \$50 jika anda memperoleh perisian secara percuma).**

PROSEDUR WARANTI

Untuk perkhidmatan atau pembayaran balik anda mesti memberikan salinan bukti pembelian anda dan mematuhi dasar pemulangan Microsoft, yang mungkin memerlukan anda menyahpasang perisian dan mengembalikannya kepada Microsoft atau mengembalikan perisian dengan keseluruhan peranti berjenama Microsoft yang perisian tersebut dipasang; label sijil ketulenan termasuk kunci produk (jika diberikan bersama peranti anda) mesti kekal terpasang.

1. Amerika Syarikat dan Kanada. Untuk perkhidmatan waranti terhad atau maklumat mengenai cara mendapatkan bayaran balik untuk perisian yang diperoleh dalam Amerika Syarikat dan Kanada, hubungi Microsoft melalui telefon di (800) MICROSOFT; melalui pos di Microsoft Customer Service and Support, One Microsoft Way, Redmond, WA 98052-6399; atau lawati (aka.ms/nareturns).
2. Eropah, Timur Tengah dan Afrika. Jika anda telah memperoleh perisian itu di Eropah, Timur Tengah atau Afrika, waranti terhad dibuat oleh Microsoft Ireland Operations Limited. Untuk membuat tuntutan di bawah waranti terhad, anda mestilah menghubungi sama ada Microsoft Ireland Operations Limited, Customer Care Centre, Atrium Building Block B, Carmanhall Road, Sandyford Industrial Estate, Dublin 18, Ireland atau anggota gabungan Microsoft yang berkhidmat di negara anda (aka.ms/msoffices).
3. Australia. Jika anda memperoleh perisian di Australia, hubungi Microsoft untuk membuat tuntutan di 13 20 58; atau Microsoft Pty Ltd, 1 Epping Road, North Ryde NSW 2113 Australia.
4. Negara lain. Jika anda memperoleh perisian di negara lain, hubungi anggota gabungan Microsoft yang berkhidmat di negara anda (aka.ms/msoffices).